



اَوْنِيُو تِكْنُوْلُوجِي مَارَا  
 UNIVERSITI  
 TEKNOLOGI  
 MARA

Cawangan Negeri Sembilan

EDISI 13

OKTOBER 2024

# BULETIN APB

*Global  
Education*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
 CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
 KAMPUS SEREMBAN



# Pendidikan Malaysia: Kualiti atau Kuantiti?

**NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI & ROZIHANIM SHEKH ZAIN**  
**UiTM KAMPUS SEREMBAN & UiTM KAMPUS ARAU**

Setiap tahun apabila keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan, kita ditonjolkan dengan keputusan yang cemerlang. Di dada akhbar terpapar laporan peningkatan keputusan berbanding tahun sebelumnya. Contohnya, keputusan pada tahun 2023, seramai 11, 713 calon memperolehi keputusan cemerlang dengan 3.1 peratus peningkatan berbanding tahun 2022 seperti mana yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan, Azman Adnan. Persoalannya kini, adakah pencapaian ini boleh dianggap sebagai satu gambaran secara keseluruhan prestasi kualiti pendidikan di Malaysia? Adakah ini kayu pengukurnya.




Melalui satu laporan yang dikeluarkan oleh World Bank Group bertajuk “Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills”, setiap pelajar di Malaysia menghabiskan selama 12.5 tahun masa di sekolah secara purata, tetapi sebenarnya pelajar hanya memperolehi masa pembelajaran sebanyak 8.9 tahun sahaja. Prestasi ini adalah agak rendah jika dibandingkan dengan negara Vietnam yang mempunyai purata masa yang sama, namun purata masa pembelajaran mereka adalah 10.9 tahun. Ini merupakan satu tamparan kepada Malaysia kerana telah memperuntukkan sebanyak 3.2 peratus bagi tujuan pendidikan daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Hasil daripada laporan tersebut juga mendapati bahawa hanya 58 peratus pelajar darjah 5 yang boleh membaca manakala selebihnya tidak dapat membaca dengan baik. Merujuk kepada laporan tersebut, antara punca berlakunya perkara ini adalah disebabkan tahap akses pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti sukar diperolehi, kualiti pengajaran tenaga pengajar dan juga tiada kaedah penilaian prestasi yang telus. Ramai pihak telah mempersoalkan perkara ini dan berharap agar pihak yang bertanggungjawab dapat mencari solusi terbaik untuk menyelesaikan perkara yang menjadi polemik bagi pihak yang terlibat secara langsung atau tidak kepada sistem pendidikan negara. Kesannya dapat dilihat melalui isu ketidaksetaraan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Ketidaksetaraan dalam pencapaian pembelajaran adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor sosioekonomi yang rendah juga menyumbang kepada pengurangan prestasi pembelajaran. Berdasarkan satu artikel yang ditulis oleh (Tiong, 2024), tahap kualiti pendidikan terkesan disebabkan perbezaan sosioekonomi keluarga pelajar, di mana perbezaan sosioekonomi ini juga memberi perbezaan dari segi sokongan keluarga dalam perkara berkaitan pendidikan. Tambahan pula, impak daripada tahap sosioekonomi yang rendah menunjukkan tahap kualiti pendidikan yang berbeza kepada pelajar berdasarkan kajian oleh (Winfridah, 2023), di mana kemiskinan sesebuah keluarga itu akan menjadi penghalang kepada pendidikan yang berkualiti. Ini adalah kerana, ia akan membatasi sumber keperluan pelajar seperti buku teks mahupun alat peranti digital. Isu yang sama juga akan memberikan kesan kepada nutrisi pemakanan pelajar. Faktor nutrisi makanan memberikan implikasi kepada kualiti pembelajaran (Prof. Annelie, 2023).

Kementerian Pendidikan sentiasa akan membantu kesenjangan pelajar yang tercicir akibat kemiskinan di Malaysia. Usaha yang dilaksanakan bagi menangani perkara ini perlu dilakukan dengan perancangan rapi dan tidak dibuat secara tergesa-gesa dengan proses yang kabur. Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Who, penelitian perlu dibuat bagi cadangan yang mewajibkan pendidikan negara dijalankan selama 11 tahun sebagai satu cara untuk mengatasi isu keciciran pembelajaran sehingga tamat menjalani peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).



Di dalam kajian tersebut juga mendapati ada dalam kalangan ibu bapa yang tidak menghiraukan ketidakhadiran anak-anak mereka ke sekolah, di mana anak-anak perlu menjadi pengasuh kepada adik-beradik yang lain atau terpaksa bekerja untuk menampung perbelanjaan keluarga. Desakan hidup menyebabkan ibu bapa tidak meletakkan pendidikan sebagai perkara utama dalam kehidupan. Kemiskinan signifikan untuk mempengaruhi sikap ibu bapa terhadap pendidikan (Rd Heri, 2023), di mana faktor ekonomi sesebuah keluarga telah menjadi penghalang kepada peluang pendidikan yang baik. Menurut satu kajian di Punjab Pakistan, ibu bapa mengabaikan pendidikan disebabkan desakan hidup dan ini menjadikan ramai kanak-kanak di sana terlibat dengan aktiviti pemeliharaan binatang ternakan untuk tujuan mencari pendapatan (Zahid, 2020). Faktor kemiskinan sememangnya memberi impak kepada kualiti pembelajaran. Terdapat keluarga di Malaysia yang mengabaikan pendidikan kerana merasakan ia bukan satu keperluan penting di dalam hidup mereka. Ini juga dapat dibuktikan oleh satu kajian yang dijalankan antara pihak MASA – UKM di mana dapatan kajian juga menemui masalah yang sama. Maka, pihak MASA - UKM mencadangkan penelitian yang rapi dan telus kepada keseluruhan sistem pendidikan di Malaysia agar Malaysia tidak ketinggalan dalam melahirkan modal insan yang unggul dan cemerlang.



Kualiti guru yang mengajar juga turut menyumbang kepada isu kualiti pembelajaran. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, telah dinyatakan dengan jelas strateginya tetapi kebanyakan guru di Malaysia tidak mencapai sasaran optimum dalam isi kandungan penyampaian dan kemahiran dalam pelaksanaan (Group, 2024). Salah satu komponen daripada pelan strategi tersebut mengatakan bahawa pemilihan dan seleksi bakat guru perlulah melalui satu sistem merit yang mana mampu menarik calon-calon guru yang mempunyai jiwa seorang guru.

Kajian oleh (Candra, 2023) mengatakan seleksi guru yang betul mampu melahirkan guru yang mampu berinteraksi dengan baik dengan pelajar. Guru yang tidak berkualiti yang terpilih berkemungkinan memberi impak kualiti kepada pendidikan secara tidak langsung. Untuk memastikan matlamat untuk menjadi negara yang berpendapatan tinggi, kajian menunjukkan pendidikan tinggi secara signifikan mampu meningkatkan pendapatan individu dan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan (Ruba, 2022).

Perubahan perlu dibuat segera dengan intervensi daripada setiap pihak yang berkenaan dan bukannya melaksanakan satu mekanisma sekadar melepaskan batuk ke tangga. Semua pihak perlu bekerjasama untuk memastikan tiada lagi laporan dari pihak World Bank Group tentang pencapaian mahupun penguasaan pelajar yang membimbangkan terutama dalam menguasai kemahiran 3M (Membaca, Menulis dan Mengira). Anjakan paradigma diperlukan dalam sistem pendidikan di Malaysia secara keseluruhan bagi memastikan masa depan yang lebih relevan, berdaya saing dan bermakna.

### Rujukan

- Candra, W., Lusinta, Rehna, Ginting., Juli, Iswanto., Melly, Nadia., Arief, Aulia, Rahman. (2023). *Improving the Quality of Education by Developing the Social Competency of Teachers*. doi:10.35445/alishlah.v15i3.1564
- Group, W. B. (2024). Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills. Retrieved from <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/bending-bamboo-shoots-strengthening-foundational-skills>
- Prof. Annelie, G. (2023). School Nutrition Programmes in the Sustainable Food Systems Value Chain. doi:10.57039/jnd-conf-knt-2023-005
- Rd Heri, S., Erna, Budiarti., Ade, Hikmat., Rudy, Gunawan., Neneng, Habibah., Euis, Yumirawati., Nunu, Ahmad, An, Nahidl. Sumarsih, Anwar. (2023). *The Effect of Family Economy on Education Opportunities (Analysis of the Impact of Parents' Irregular Income on Millennial Children's Educational Opportunities in the DKI Jakarta Area)*. Migration Letters. doi:10.59670/ml.v20i5.4714
- Ruba, A.-W., Mufeed, Almula-Dhanoon. (2022). *Nexus Between Education and Income Distribution in High-Income Countries*. doi:10.33899/tanra.2021.130652.1106
- Tiong, N. D. (2024). *On the State of Education in Malaysia and What it Means for the Country's Economy*. Retrieved from <https://newnaratif.com/on-the-state-of-education-in-malaysia/>
- Winfridah, K., Cath, Sylvester., S, Linda. (2023). The Effect of Poverty on the Provision of Quality Education: A Case of Selected Secondary Schools in Mansa District of Luapula Province, Zambia. *International Journal of scientific research and management*. doi:10.18535/ijserm/v11i11.e102
- Zahid, Z., Muhammad, Zubair, Shabbir., Kamran, Ishfaq. (2020). *Determinants of Educational Exclusion of Children: A Study of Southern Punjab, Pakistan*. doi:10.36902/SJESR-VOL3-ISS2-2020(91-98)